KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	PTG PAHANG			

HM 8.12.2021_23

Kecualikan cukai, sewaan dalam tempoh 3 tahun

Kuantan: Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pahang mencadangkan kerajaan negeri mengecualikan cukai atau sewaan tanah kepada pekebun dan petani dalam tempoh dua hingga tiga tahun bagi mengurangkan kos pengeluaran makanan.

Chiong Yoke Kong (PH-Tanah Rata) berkata, punca kenaikan harga barangan membabitkan banyak aspek meliputi rantaian penghasilan, pemprosesan, penghantaran dan pembekalan, dan ini sekali gus menghakis kuasa beli pengguna terutama mereka berpendapatan rendah.

"Orang ramai terbeban dan terkesan dengan kenaikan harga bahan mentah dan sayur-sayuran, dan kita jangkakan harga barang keperluan terus meningkat pada bulan-bulan akan datang.

"Kita perlu melakukan inisiatif untuk membantu...sebab Pahang antara negeri yang mengeluarkan banyak makanan dan kita ada ramai petani dan pekebun, itu sebabnya saya menyeru kerajaan memberi pengecualian cukai atau sewaan tanah kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan (2022) 2021 pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Negeri di sini, semalam.

Pahang antara negeri yang mengeluarkan banyak makanan dan kita ada ramai petani dan pekebun"

Chiong

Dalam pada itu, Chiong mencadangkan peruntukan khusus diberi kepada agensi berkaitan dalam usaha mempergiat pemantauan kawasan cerun.

Sementara itu, **Lee Chin Chen (PH-Bilut)** yang menyentuh kenaikan harga barang, menyarankan pemeriksaan mengejut harus dijalankan pihak berkuasa ke pasar awam dari semasa ke semasa bagi mengesan peniaga mengaut keuntungan melampau.

Katanya isu keselamatan makanan dan mengurangkan import harus diberi perhatian oleh kerajaan, dengan sekurang-kurangnya bekalan makanan mencapai tahap sara diri.